

Dokumentasi Projek KIK

Laporan Projek Bercetak (*Hard Copy*)

- Laporan perlu dicetak pada kertas bersaiz A4 berorientasi potrait.
- Setiap muka surat perlu dicetak pada sebelah bahagian kertas sahaja.
- Cetakan 2 *slides* mesti dimuatkan dalam satu muka surat (maksimum 30 muka surat untuk dimuat naik ke dalam borang penyertaan).

Laporan Projek format digital (*Soft Copy*)

Setiap kumpulan dikehendaki:

- memuat naik salinan laporan projek KIK dalam format *.pdf (*portable document format*) melalui aplikasi on-line

Poster Projek KIK

- Peserta dikehendaki menyediakan poster projek bersaiz **36 inci x 48 inci** untuk dipamerkan semasa konvensyen berlangsung.
- Salinan bercetak perlu diserahkan kepada urusetia selewat-lewatnya **26 september 2014**.
- Salinan digital dalam format *.pdf diemaiikan ke alamat havockik@gmail.com

Tarikh Serahan

a. Laporan Projek KIK			Tarikh Akhir
Bercetak	Saiz A4	Serahan/Pos	26/09/2014
Digital	PDF	Online	19/09/2014
	PPT/PPTX	Serahan/Pos*	26/09/2014

b. Poster Projek KIK

Bercetak	36x48 in	Serahan/Pos	26/09/2014
Digital	PDF	Email	19/09/2014
	PDF	Serahan/Pos*	26/09/2014

* Semua format digital untuk serahan/pos boleh dimuatkan dalam satu CD sahaja

Kemudahan peralatan yang disediakan oleh pihak Urusetia adalah seperti berikut:

- Dua (2) unit komputer riba & projektor LCD
- Empat (4) unit mikrofon
- Dua (2) unit skrin layar putih

Terma & Syarat

- Pihak penganjur berhak menolak penyertaan dari mana-mana Kumpulan KIK yang gagal mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan KIK bagi menyertai Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014 oleh penganjur adalah **MUKTAMAD**;
- Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen terhadap penilaian projek KIK dan persembahan kumpulan adalah **MUKTAMAD**.



Sila imbas QR Code berikut untuk maklumat lanjut melalui telefon pintar atau tablet anda.

Maklumat untuk dihubungi

Sebarang pertanyaan berkaitan Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014 boleh disalurkan kepada pegawai yang berkenaan melalui medium berikut:

Penyelaras Program:

Zamani Umar Husin
03-55442558 | zamanium@salam.uitm.edu.my


Telefon: 03-55442198 - Pejabat Pengarah
03-55442203 - Help Desk
03-5544 2191/2575/2179 - Pejabat Pentadbiran

Faks: 03-55442197

Alamat: Pejabat Teknologi Maklumat,
Ting. 5, Menara SAAS,
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam Selangor

eMel: havockik14@gmail.com

URL: <http://kiktengah.uitm.edu.my>



Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014

INOVASI PEMANGKIN KESEJAHTERAAN UMMAH



TEKNIKAL



PROSES



P&P



ICT



29 - 30 September 2014
Dewan Anjung Sri (Dewan Annex)
UiTM Shah Alam

Pengenalan

UiTM sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha inovasi dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan universiti khususnya kepada pelanggan. Justeru, penganjuran Konvensyen KIK UiTM menjadi acara tahunan universiti untuk memperkenalkan inovasi baru bagi membolehkan kecemerlangan perkhidmatan yang disediakan berterusan.

Selaras dengan itu, buat julung kalinya Pejabat Teknologi Maklumat terpilih untuk menganjurkan Konvensyen KIK Zon Tengah pada 29 dan 30 September 2014 di UiTM Shah Alam.

Objektif Program

- Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam aktiviti KIK.
- Menyediakan platform kepada peserta KIK berkongsi hasil inovasi mereka dengan bertukar idea untuk menghasilkan kaedah penambahbaikan dan penyelesaian masalah
- Mengenalpasti kumpulan KIK terbaik mengikut kriteria yang ditetapkan.
- Mewujudkan dan mengeratkan hubungan yang harmoni antara pihak pengurusan dan staf UiTM dari pelbagai jabatan dan bersilang fungsi.

Siapa yang patut hadir:

- **Peserta:** Kumpulan KIK dari semua PTJ di dalam Zon Tengah yang melibatkan Kampus induk UiTM Shah Alam, UiTM Puncak Alam, UiTM Puncak Perdana, UiTM Selayang, UiTM Sungai Buloh & UiTM Kampus Seksyen 17 dijemput untuk membentangkan projek KIK mereka;
- **Pemerhati;** dan
- **Individu** yang berminat mendapatkan pendedahan mengenai aktiviti dan pencapaian pelaksanaan projek KIK.

Aturcara Program

29 September 2014

Sidang Pagi	Taklimat Urusetia/Hakim Perasmian Program Persembahan Projek KIK Rehat
Sidang Petang	Persembahan Projek KIK (Sambungan)

30 September 2014

Sidang Pagi	Persembahan Projek KIK (Sambungan) Rehat
Sidang Petang	Persembahan Projek KIK (Sambungan)
Sidang Malam	Majlis Penutup & Makan Malam

Kategori Hadiah & Anugerah


Hadiah Utama

Johan
Naib Johan
Ketiga



Anugerah Khas

Anugerah Inovasi Proses
Anugerah Inovasi ICT
Anugerah Inovasi Teknikal
Anugerah Inovasi Kaedah Pengajaran & Pembelajaran
Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik
Anugerah Kumpulan Baru Berpotensi Terbaik
Anugerah Fasilitator Terbaik
Anugerah Dokumentasi Terbaik
Anugerah Persembahan Kumpulan Terbaik
Anugerah Poster Terbaik



Saguhati



Syarat Penyertaan & Pertandingan

Penyertaan

- Terbuka kepada kumpulan KIK dari semua PTJ di Zon Tengah
- Projek KIK hendaklah projek yang telah selesai dijalankan di peringkat PTJ;
- Projek KIK hendaklah belum pernah dipersembahkan di mana-mana Konvensyen/ Pertandingan pada tahun-tahun sebelumnya;
- Setiap PTJ dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu penyertaan; dan
- Setiap kumpulan hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya **5 hingga 10 ahli** sahaja (tidak termasuk Fasilitator).

Pendaftaran

- Pendaftaran kumpulan KIK adalah melalui **Borang Pendaftaran Atas Talian**
- Kumpulan KIK hendaklah memuatnaik (*upload*) Gambar Kumpulan KIK (Fasilitator dan semua ahli) dan Logo KIK semasa Pendaftaran Atas Talian;
- Kumpulan KIK yang berjaya dicalonkan perlu memuatnaik (*upload*) **Format PDF Laporan Projek** KIK secara atas talian.

Persembahan

- Sebanyak 4 salinan bercetak perlu disediakan dan diserahkan kepada pihak urusetia
- Penggunaan komputer adalah diwajibkan;
- Masa persembahan projek kumpulan KIK dihadkan kepada **20 minit sahaja** (tidak termasuk 5 minit untuk persediaan/montaj dan 5 minit untuk sesi soal jawab);

Nota:

Pendaftaran atas talian dibuka pada **25 Ogos 2014** dan ditutup selewat-lewatnya pada **5 September 2014**;

Sila imbas QR Code berikut untuk maklumat lanjut tentang syarat penyertaan & pertandingan.

